

28/06/1997

Lawat Greece 30 hari tanpa visa

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia akan menandatangani beberapa perjanjian persefahaman (MoU) dalam pelbagai bidang dengan Greece sebagai usaha meningkatkan hubungan dua hala kedua-dua negara.

Antaranya ialah perjanjian perdagangan, pelancongan, mengelak pembayaran cukai dua kali, menggalakkan pelaburan serta kerjasama ekonomi, teknikal dan sains.

Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, berkata kerajaan menyambut baik usaha itu kerana ia dapat mewujudkan aktiviti lebih rancak yang boleh memberi faedah kepada kedua-dua negara.

"Kami sedang bertukar dokumen bagi membolehkan kedua-dua pihak menghalusi secara teliti terhadap pendirian masing-masing mengenai cadangan yang perlu dimasukkan dalam perjanjian berkenaan," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Luar Greece, Theodoros Pangalos di Wisma Putra, hari ini.

Nilai pelaburan kedua-dua negara setakat ini hanya RM171 juta yang berpihak kepada Malaysia. Jumlah itu kecil kerana kebanyakan ahli perniagaan belum memahami situasi dua-dua negara dan kerana itu, kedua-dua kerajaan bersepakat mengambil tindakan lebih aktif.

"Sebagai permulaan untuk meningkatkan hubungan, rakyat negara ini diberikan kemudahan 30 hari tanpa visa untuk melancong ke Greece," katanya.

Beliau berkata, ahli perniagaan tempatan yang terbabit dalam bidang pelancongan dan perhotelan juga perlu meninjau peluang kerjasama dan pelaburan di negara itu.

Dalam perbincangan itu, Menteri Luar Greece turut menyampaikan undangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melawat negara itu.

Selain itu, kedua-dua menteri luar berbincang mengenai penyusunan semula Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), terutama mengenai penambahan anggota dalam majlis itu.

Abdullah dan Pangalos bersetuju dengan cadangan melantik Jepun dan Jerman sebagai anggota tetap majlis berdasarkan kedua-dua negara itu dianggap kuasa besar ekonomi dan mempunyai pengaruh politik luas.

"Walaupun kemasukan mereka ditentang oleh negara maju lain, kami percaya Jepun dan Jerman mampu memberi sumbangan besar, terutama dari segi kerjasama dan kewangan kepada PBB," katanya.

Terdahulu, Abdullah menyampaikan cek bantuan bernilai RM250,000 kepada Kerajaan Iran untuk membantu mangsa gempa bumi di Wilayah Khorassan yang berlaku pada 10 Mei lalu.

Abdullah yang mewakili Kerajaan Malaysia menyampaikan cek sumbangan itu kepada Duta Besar Iran, Hossein Feraydoun dalam satu majlis ringkas.

Menurutnya, keputusan untuk memberi bantuan itu dibuat atas persetujuan Kabinet pada 28 Mei lalu.

(END)